

BAB KEEMPAT

PERBINCANGAN HUJAH/DALIL SERTA ANALISIS PENDAPAT MEREKA YANG MENOLAK OLEH MEREKA YANG MENGHARUSKAN OBM MELIBATKAN AWAM, TENTERA DAN PENTARJIHAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan kesinambungan daripada bab yang ketiga yang akan memperkatakan tentang hujah-hujah penolakan terhadap OBM, perbahasan serta perbincangan hujah antara mereka yang menyokong dan menolak serangan tersebut. Bab ini juga akan menganalisis pelaksanaan OSPBM yang melibatkan tentera dan juga awam.

Perbahasan ini amat penting untuk menjelaskan konteks perbandingan dari sudut kekuatan hujah-hujah di kalangan mereka yang menyokong dan menolak pelaksanaan OBM atau OSPBM. Natijah daripada hasil perbincangan akan melalui proses pentarjihan menurut disiplin ilmu Usul Fiqh dan Fiqh Perbandingan (*maqārin*) serta akan diselaraskan menurut siasah syar'iyah berdasarkan sistem metodologi hukum.

Justeru itu, prosedur ini akan dilaksanakan dengan penuh penelitian agar disiplin serta amanah terhadap ilmu terpelihara sebaiknya. Seterusnya hujah penolakan terhadap mereka yang menyokong pelaksanaan OBM dalam perbincangan lalu.

4.2 Hujah-Hujah Mereka Yang Menolak OBM Atau OSPBM Dan Mengklasifikasikannya Sebagai Bunuh Diri

1. Syeikh 'Abdullāh Namr Darwish¹ berhujah bahawa firman Allah Ta'

ala :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Surah al-Baqarah (195) : 2

Bermaksud:

"Dan belanjalah (harta bendamu) di jalan Allah. Janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik".

Terjemahan surah al-Baqarah (195) : 2

Ayat ini jelas menunjukkan ketidakharusan melakukan perbuatan yang boleh membinasakan diri sendiri. Sekalipun dengan tujuan menentang pencerobohan kaum umpamanya Yahudi di bumi Palestin. Justeru itu, mereka yang melakukannya iaitu pengebom berani mati boleh menghancurkan dirinya ke dalam neraka kerana ia adalah perbuatan bunuh diri. Sebaliknya adalah harus, sekiranya menentang pasukan tentera Yahudi yang menceroboh.

2. Prof. Dr Yūsof Dādo dari University of South Africa yang turut berhujah dengan firman Allah (ولا تلقوا بأيديكم إلى التهلكة), bahawa tidak harus

¹ Lihat Majmū'ah min al-Fatāwā (1996), *Ḥukm al-'Amaliyyāt al-Istishāriyyah wa Raul 'alā al-Mughālaṭāt wa al-Taḥrījāt*, Ammān, Jordan: Majmū'ah Min al-'Ulamā, h. 59.

manusia Islam memilih jalan yang membinasakan dirinya apatah lagi melibatkan orang awam.

3. Prof. Dr. 'Abdul Hādī Palazzī menjelaskan bahawa tidak harus bahkan ia sesuatu yang bertentangan dengan ajaran syariat Islam. Mereka membunuh orang yang tidak berdosa iaitu orang awam dan bukan golongan tentera.

4. Dr. Muḥammad Sayyid al-Ṭanṭāwī menjelaskan mereka yang melakukan perbuatan seumpama OBM atau OSPBM adalah perlakuan bunuh diri.²

5. Prof. Dr. Mehdī Moḥāghegh dari Society for the Appreciation of Cultural Works and Dignities of Iran turut menolak amalan pengebom berani mati umpamanya di Palestin kerana ianya melibatkan masyarakat awam Yahudi dan bukan pasukan tentera. Namun begitu, kita mendoakan semoga *niat* mereka betul untuk berjihad di jalan Allah dan mendapat balasan syurga kerana Dia yang maha Mengetahui yang batin.

6. Prof. Dr. Hans Daiber salah seorang Orientalis Barat dari Johann Wolfgang Goethe of Germany telah banyak menulis buku jihad dalam pelbagai bahasa di peringkat antarabangsa turut menolak amalan pengebom berani mati dan menyifatkannya sebagai bunuh diri (*suicide*) dan ianya tidak diterima dalam agama Islam.

² Majmū'ah min al-Fatāwā (1996), *Hukm al-'Amaliyyāt al-Istishākiyyah wa Rad 'alā al-Mughālatāt wa al-Taḥrīfāt*, Ammān, Jordan: Majmū'ah min al-'Ulamā, h. 99.

7. Prof. Dr. David B. Burrell juga merupakan seorang Orientalis Barat dari Notre Dame of United State of America juga turut menolak amalan pengebom berani mati dan menyamakannya dengan perbuatan bunuh diri (*suicide*) dan tidak dimaafkan.

Setelah meneliti hujah-hujah yang menyokong sebagaimana di dalam bab ketiga yang lalu dan hujah golongan yang menolak di kalangan sarjana Islam dan beberapa sarjana Orientalis Barat, beberapa analisis yang amat berharga telah ditemui sebagai satu pembantuan dari segi hukum syarak berdasarkan peradaban dan merit siasah syar'iyah.

Kita dapati bahawa pelaksanaan OBM dan OSPBM adalah melibatkan golongan tentera dan juga awam sebagai contohnya orang awam Yahudi di Palestin. Justeru, serangan seumpama ini perlu kepada penjelasan yang mendalam agar ia dapat dibezakan status keharusan dari sudut siasah syar'iyah.

4.3 Analisis dan Perbincangan Bahagian Pertama OBM Atau OSPBM Hanya Melibat Tentera.

Penulis mendapati semua tokoh sarjana Islam baik di dalam negara dan di peringkat antarabangsa bersepakat mengharuskan pelaksanaan OBM dan OSPBM dilakukan di medan peperangan dari kalangan tentera yang bertempur. Sehubungan itu juga, beberapa Orientalis Barat juga turut mengharuskan kedua pelaksanaan itu dilaksanakan di kalangan tentera atau dua belah pihak yang bertempur.

Ini bermakna semua tokoh yang diperkatakan sebentar tadi bersepakat

mengatakan serangan seumpama itu, harus dilaksanakan sekalipun menyebabkan pelaksana tersebut mati secara langsung dengan alasan itu adalah suatu urusan peperangan yang tidak dapat dielakkan demi kemenangan dan kejayaan dengan mengambil kira syarat-syarat tertentu dan masalah sebagaimana telah diperbahaskan pada masa lalu.

Justeru itu, penulis membuat kesimpulan pada bahagian analisis pertama ini bahawa OBM dan OSPBM diharuskan dari segi pelaksanaannya di kalangan tentera yang bertempur setelah memenuhi beberapa syarat pada individu pelaksana itu sendiri dan juga keizinan pihak atas yang berwajib.

Keharusan ini, seharusnya mengambil kira ke atas autoriti perbincangan dalam bab ketiga yang menyentuh perkara niat, konsep *al-tatarrus* (perisai manusia), kisah peperangan sahabat dan fatwa serta darurat yang wujud tanpa ada sebarang pertikaian atau bantahan oleh mana pihak yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, tidak timbul sebarang keraguan dan penyelewengan dari segi fakta bahawa OBM merupakan suatu bentuk tindakan militan, ganas, teroris, pengganas (*mutaḥarriif*), ekstrimis, taksub dan seumpamanya kerana ia merupakan suatu tuntutan agama.

Namun satu perkara yang lain adalah serangan OBM yang melibatkan masyarakat awam umpamanya orang awam Yahudi di Palestin berdasarkan analisis-analisis (artikel-artikel) terhadap ancaman, penindasan, kezaliman, penganiayaan dan pembunuhan ke atas masyarakat Islam di Palestin. Apakah hujah atau dalil tambahan yang membenarkan pelaksanaan OBM ke atas musuh Islam tersebut. Sedangkan terdapat di kalangan sarjana Islam turut menolak serangan OBM dan menganggap

pelakunya melakukan perbuatan membunuh diri.

4.4 Analisis Dan Perbincangan Bahagian Kedua OBM Dan OSPBM Umpamanya Di Palestin³ Yang Melibatkan Orang Awam Yahudi⁴ Di Tel Aviv Israel⁵ berdasarkan hujah mereka yang menolak pelaksanaan tersebut dan analisis-analisis (artikel-artikel) berkaitan dengannya.

Merujuk kepada perbahasan yang telah dipaparkan, terdapat dua bahagian pendapat seperti di bawah berikut:

4.4.1 Mereka yang menyokong pelaksanaan OBM atau OSPBM.

1. Golongan ini berhujah bahawa golongan Yahudi yang berada di Tel Aviv Israel adalah musuh Islam yang halal darahnya dari segi hukum syarak kerana mereka telah merampas dan mencabuli hak-hak orang Islam Palestin sejak 1948⁶ serta menganggap bahawa al-Quds adalah tanah suci dan merupakan arah kiblat pertama

3 Lihat lampiran Tabloid *Mata HARI*, Nama asalnya adalah *Philistia* sempena nama Greek setelah Baytul Maqdis diperintah oleh Rom pada tahun 63 Sebelum Masehi, hlm. 12. Palestin lama terletak di Asia Barat, antara latitud 29.30 dan 33.15 utara dan longitud 24.10 dan 35.40 timur Greenwich. Di sempadani di bahagian baratnya oleh Laut Mediteranean, di timur oleh Syria dan populasi penduduknya adalah seramai 6.8 juta orang mengikut statistik tahun 1996, hlm. 14-15.

4 Prof. Ahmad al-'Odi (1993), *al-Sahyāniyyah*, Beyrūt: Dār al-Nafāis, h. 21. Termenologi Yahūdi ini sudah wujud sebelum kelahiran nabi Musa a.s. yang dinasabkan kepada Yāhūzā iaitu Sabt Yāhūzā merupakan anak keempat kepada Ya'aqūb bin Ishāk bin Ibrāhīm. Agama mereka dinamakan agama Yahūdi sempena Semua nabi yang diutuskan adalah di kalangan Yahūdi melainkan nabi Muhammad s.a.w dari golongan Arab.

5 *Ibid.*, h 10. *Tel Aviv* adalah nama sebuah bandar di Israel. Manakala Israel itu adalah adalah nama bangsa kaum Yahūdi di kalangan sembilan anak nabi Ya'aqūb yang digelar dengan nama Qabilah Israel.

6 Majmū'ah min al-Fatāwā (1996), *Ḥukm al-'Amaliyyāt al-Istishādiyyah wa Rad 'alā al-Mughālaṭāf wa al-Talwīfāt*, Ammān, Jordan: Majmū'ah min al-'Ulamā, h. 5.

mereka dalam Islam. Oleh itu, kawasan ini adalah hak kepunyaan keturunan kami.

2. Golongan awam Yahudi ini juga merupakan tentera kerahan (*ihtiyāfi*) yang sedia berkhidmat pada setiap masa seperti askar wataniah di Malaysia. Mereka ini, merupakan penyokong kuat kepada tentera Yahudi dan telah dilatih untuk berperang bagi menghadapi tentangan rakyat Palestin dan menyerang mereka. Mereka dilihat membawa senjata ke mana sahaja mereka keluar seperti mana tragedi di Haram Ibrahimī yang berlaku pada 25hb. November 1994 telah mengorban sejumlah umat Islam awam yang sedang solat subuh⁷ dalam usaha mengubah fungsi masjid ini kepada institusi gereja Yahudi.

3. Golongan awam Yahudi ini juga membunuh dan mendera orang Islam awam Palestin dengan sesuka hati dan kadangkala menyembelih orang awam yang tidak berdosa serta membawa senjata dengan bebas seperti apa yang berlaku terhadap Isam bin Judah pada 9 Oktober 2000 semasa dia memetik buah Zaitun di kebunnya di Şaffā, berhampiran Ramallāh dan Mohammed al-Durah yang berusia 12 tahun mati ditembak dan lain-lain lagi.⁸

4. Golongan awam ini termasuk golongan wanita dan orang tua dalam tragedi pembunuhan beramai-ramai Sabrā dan Syātilā 20 tahun yang lalu⁹ serta di Kem Jenin mutakhir ini, di mana sebahagiannya juga terlibat secara langsung dengan bantuan

7 Majmū'ah min al-Fatāwā (1996), *Ḥukm al- 'Amaliyyā al-Istishākiyyah wa Ra' al- al-Mughālatā' wa al-Ṭahrījā*, Ammān, Jordan: Majmū'ah min al-'Ulamā, h 7.

8 Lihat Tabloid *Mata HARI*, *Kemelut Berdarah di Timur Tengah*, Edisi Khas keluaran bertarikh 11hb Februari 2002, h. 34-35.

9 *Ibid.*, h.24-25.

senjata daripada pihak tentera Yahudi merampas dan melakukan penceroobohan terhadap tanah-tanah serta kediaman mereka dibinasakan. Dengan kata lain, orang Islam Palestin dan juga golongan arab Kristian turut dihalau keluar dari kampung halaman mereka. Justeru mereka ini dikategorikan sebagai sebahagian dari tentera Yahudi.

5. Orang Yahudi dari kalangan orang awam dan tentera sekarang ini merupakan penjajah asing dari seantero dunia seperti Jerman, Rusia, Amerika Syarikat dan sebagainya menuju ke negara Palestin dengan satu misi dan asas kepercayaan agama bahawa bumi Palestin adalah merupakan hak mereka mengikut kepercayaan agama selain menghancurkan masjid al-Aqṣā serta menakluki tanah orang Islam dari sungai Nil hingga ke sungai Furāt Iraq¹⁰ atau dari sungai Tigris ke sungai Euprates seperti yang disebutkan di dalam kitab Taurat.¹¹

6. Pengerusi dan Ketua Persatuan Wanita Palestin telah membuat liputan statistik dalam akhbar al-Dustūr bertarikh 16hb. Mac 1996 bahawa angka mereka yang syahid selepas Perjanjian Oslo adalah 400 mati syahid, 1550 telah ditawan manakala di saat akhir seramai 2000, mangsa yang cedera 3392, tanaman dan pokok yang ditebang sebanyak 20,292, rumah yang dirobuhkan 232, tanah-tarāh yang mengeluarkan hasil dirampas sebanyak 253,084 ekar, bilangan penempatan yang dibina rumah di atasnya 142 ekar, sebanyak 980 buah rumah bagi menampung seramai 136,000 penduduk

¹⁰ Lihat Majmū'ah min al-Fatāwā (1996), *Ḥukm al-'Amaliyyāt al-Istishākiyyah wa Rad 'alā al-Mughālaṭāt wa al-Taḥrījāt*, Ammān, Jordan: Majmū'ah min al-'Ulamā, h. 5.

¹¹ Imrān Husein (2002), *A Muslim Response to The Attack On America*, Kuala Lumpur: Global Publisher, h. 5.

turut musnah.¹²

Hujah-hujah mereka di atas ini di sokong oleh dalil-dalil al-Quran dan riwayat al-Hadith selain (niat, konsep *al-tatarrus* (perisai manusia), kisah peperangan sahabat dan fatwa) adalah seperti berikut:

a. Hujah yang mengarahkan kita membunuh musuh sekiranya melampaui batas dan hak kemanusiaan samada tentera atau orang awam yang turut sama membantu dari segi harta dan idea serta usaha.

إِنَّمَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلوْكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجوْكُمْ
مِّن دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوْهُمْ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

Surah al-Mumtahanah (9) : 28

Bermaksud:

“Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan sesiapa yang menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.

Terjemahan surah al-Mumtahanah (9) : 28

b. Agama Islam turut menetapkan umatnya agar bangkit mempertahankan diri, maruah, keluarga dan harta sekalipun membawa kepada pembunuhan terhadap mereka yang mengganggu gugat keselamatan sama ada musuh itu tentera ataupun orang awam yang turut memberi saham termasuk idea, pandangan

¹² Majmū'a'h min al-Fatāwā (1996), *Iḥkām al-'Amaliyyāt al-Istishākiyyah wa Ra'ad 'alā al-Mughālaṭāt wa al-Taḥrījāt*, Ammān, Jordan: Majmū'a'h min al-'Ulamā, h. 9.

dan perbelanjaan harus dibunuh. Ini termasuklah orang tua, perempuan dan kanak-kanak sudah tentu terlibat tetapi bukannya sebagai satu sasaran.

Dalam surah dan ayat yang lain Allah berfirman:

وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجْنَاكُمْ وَالْفِئْتَنَةُ
أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا تَقْتُلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّى
يُقْتَلُوا فِيهِ فَإِن قَتَلْتُمْ فَأَقْتُلُوهُمْ كَذَلِكَ جَزَاءُ الْكٰفِرِينَ



Surah al-Baqarah (191) : 2

Bermaksud:

“Dan bunuhlah mereka di mana saja kamu jumpai mereka dan usirlah mereka dari tempat mereka telah mengusir kamu dan fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan. Dan janganlah kamu memerangi mereka di Masjidil Haram kecuali jika mereka memerangi kamu di tempat itu. Jika mereka memerangi kamu di tempat itu, maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang kafir”.

Terjemahan surah al-Baqarah (191) : 2

c. Ada di kalangan manusia itu yang membeli jiwanya (iaitu berjuang dengan mengorbankan dirinya) semata mencari keredaan Allah.

Allah berfirman dalam surah dan ayat yang lain:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ
بِالْعِبَادِ



Surah al-Baqarah (207) : 2

Bermaksud:

“Dan di antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah dan Allah Maha Penyatun kepada hamba-hambanya”.

Terjemahan surah al-Baqarah (207) : 2

d. Konsep membalas seumpamanya atau seperti yang dilakukan ke atasnya.

Allah berfirman :

الشَّهْرُ الْحَرَامُ بِالشَّهْرِ الْحَرَامِ وَالْحُرُمَتِ قِصَاصٌ فَمَنْ أَعْتَدَى
عَلَيْكُمْ فَاَعْتَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَى عَلَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

Surah al-Baqarah (194) : 2

Bermaksud:

“Bulan Haram dengan bulan Haram dan pada sesuatu yang patut dihormati berlaku hukum qisas. Maka sesiapa yang menyerang kamu, maka seranglah dia, seimbang dengan serangannya terhadapmu; Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah beserta dengan orang-orang yang bertakwa”

Terjemahan surah al-Baqarah (194) : 2

dan dalam ayat yang lain iaitu firman Allah:

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ بِهِ ۗ وَلَئِنْ صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ
لِّلصَّادِقِينَ ﴿١٢٦﴾

Surah al-Nahj (126) : 14

Bermaksud:

“Dan jikalau kamu memberi balasan, maka halaslah dengan balasan yang sama dengan siksaan yang ditimpakan ke atasmu”.

Terjemahan Surah al-Naḥl (126): 14

Kedua-dua ayat ini menunjukkan Islam mengharuskan amalan membalas terhadap sesuatu perkara itu dengan balasan yang seumpama atau sama dengannya. Imām al-Qurṭūbī menukilkan bahawa Imām ‘Arabi¹³ menjelaskan bahawa ulama bersepakat mengatakan “*al-mumāthilah*” iaitu persamaan adalah suatu perkara yang wajib. Apatah lagi sehingga mengusir mereka dari kampung halaman.

Imām Qurṭūbī turut menjelaskan maksud (*وإن عاقبتهم فعاقبوا بمثل ما عوقبتهم به*)

iaitu melampaui had maka kamu boleh membalas sekadar mana kamu dizaliminya. Bahkan ini merupakan sesuatu yang umum dalam semua perkara.¹⁴ Manakala dari segi pelaksanaannya sama ada secara langsung iaitu sendirian mahupun menerusi hakim.¹⁵

Justeru itu, serangan yang dilaksanakan samada secara individu atau secara berkumpulan dengan perancangan yang rapi dan persediaan yang secukupnya merupakan pilihan jihad yang terakhir adalah diharuskan tanpa syak lagi.

¹³ Abū ‘Abdullāh bin Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, al-Qurṭūbī (1993). *al-Jāmi’ al-Aḥkam Al-Qur’ān*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j.1-2, h. 239.

¹⁴ *Ibid.*, h. 238.

¹⁵ *Ibid.*, h. 237.

4.4.2 Mereka yang menolak pelaksanaan OBM atau OSPBM:

1. Mereka berhujah dengan mengatakan bahawa OSPBM itu adalah bunuh diri, atau “suicide” sebagaimana firman Allah :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Surah al-Baqarah (195) : 2

Bermaksud:

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”

Terjemahan surah al-Baqarah (195) : 2

Ayat ini dengan jelas menunjukkan janganlah seseorang muslim itu melakukan sesuatu yang boleh membinasakan. Justeru OBM merupakan suatu kebinasaan yang diciptakan oleh manusia pelaksana itu sendiri dan ianya tidak harus dari segi pandangan syarak.

Justeru itu, tidak ada kelonggaran syarak bagi mereka yang melakukan OBM, Ini bermakna mereka telah melakukan perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai (*inti ḥār*) atau bunuh diri.

2. Golongan ini juga turut berhujah mereka yang melakukannya turut membabitkan manusia yang tidak berdosa yang terdiri di kalangan orang awam, lelaki tua, perempuan dan kanak-kanak.

Sedangkan terdapat larangan di dalam hadith yang melarang tentera Islam membunuh mereka ini tanpa alasan yang hak iaitu:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "أن النبي صلى الله عليه وسلم رأى امرأة مقتولة في بعض مغازيه، فأتكر قتل النساء والصبيان". متفق عليه.

Hadith ini bermaksud:

*"Nabi telah melihat seorang perempuan terbunuh dalam beberapa peperangannya, lalu Baginda telah melarang membunuh kanak-kanak dan kaum perempuan"*¹⁶

Justeru itu, kita melihat di dalam serangan pengebom berani mati telah melanggar prinsip dan etika yang murni ini.

3. Seterusnya mereka juga turut berhujah bahawa pelaksanaan OBM ini akan membinasakan ekologi atau pokok-pokok, tanaman dan haiwan ternakan serta merosakkan kemudahan awam atau (*vandalism*) sedangkan khalifah Sayyidinā Abū Bakr melarang berbuat demikian.

Mereka juga turut mempersoalkan di manakah keadilan dan kerahmatan dalam Islam sekiranya mereka iaitu di kalangan pengebom berani syahid tidak memperdulikan semua perkara ini.

4. Boleh dikatakan semua pengebom berani mati syahid adalah individu

¹⁶ Lihat hadith diriwayatkan oleh Muslim bin Hajjāj, *Ṣoḥīḥ al-Muslim*, kitāb al-Jihād, di dalam bab membunuh kanak-kanak dalam pertempuran, hadis bernombor 1744.

atau orang perseorangan atau berkumpulan di mana mereka perlu mendapatkan keizinan pemerintah tertentu. Adakah mereka ini juga, memenuhi syarat-syarat sebagaimana para tentera memilikinya dan atas dasar apakah mereka melaksanakannya?

Boleh dikatakan semua yang menolak pelaksanaan OBM berhujah dengan ayat al-Quran dan al-Hadith seperti yang diperbincang sejak dari awal lagi.

Semua hujah in, akan diperbahaskan dalam ruangan perbincangan dan pentarjihan akan dilakukan berdasarkan kekuatan hujah dan dalil oleh setiap golongan yang berselisih pendapat sebagai satu penandaarasan kepada kredibiliti dan abiliti siasah syar'iyah dalam menentukan hukum pelaksanaan.

4.4.3 Perbincangan dan perbahasan hujah dan dalil kedua-dua pihak yang berselisih pendapat berhubung dengan pelaksanaan OBM atau OSPBM.

1. Firman Allah di dalam al-Quran:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Surah al-Baqarah (195) : 2

Bermaksud:

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”.

Terjemahan surah al-Baqarah (195) : 2

Sebenarnya ayat ini tidak dinyatakan sepenuhnya oleh mereka yang menolak amalan OSPBM bahkan ia adalah seperti yang tertera di bawah ini yang mana firman Allah:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Surah al-Baqarah (195) : 2

Bermaksud:

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”.

Terjemahan surah al-Baqarah (195) : 2

Ayat ini pada dasarnya diturunkan kepada kaum Ansar semasa mereka berperang di *Contantinople* iaitu di Rome. Abū ‘Ayūb menceritakan bahawa ada seorang pejuang Islam telah mara menentang sekumpulan tentera Rom bersendirian, maka mereka melaungkan bahawa hal itu akan mencampakkannya kepada kebinasaan berdasarkan ayat di atas itu.

Namun begitu, apabila Abū ‘Ayyūb mendengar laungan itu, maka dia pun berkata:

“Kamu semua jangan pandai membuat ta’wil sendiri sedangkan ayat itu diturun kepada kami kaum Ansar di mana kami mahu bersama-sama dengan harta kami dan

memeliharanya tanpa memperdulikan urusan jihad.¹⁷

Abū Ayyūb turut menjelaskan bahawa kami akan mencampakkan diri kami kepada kebinasaan sekiranya kami tidak mendermakan harta-harta kami di jalan Allah iaitu berjihad. Sehingga beliau meninggal dunia dan dikebumikan di Constantinople.¹⁸

Hal ini turut diriwayatkan oleh Ḥuzāifah, Ḥasan, Qatādah, Mujāhid dan al-Dīḥāk.¹⁹

Ibn ‘Abbās menambah bahawa yang dimaksudkan dengan kebinasaan itu adalah sekiranya kamu tidak mendermakan harta kamu di jalan Allah, itulah yang akan membinasakan kamu. Ini adalah disebabkan harta kamu akan memantapkan lagi urusan jihad.²⁰

Bahkan ayat ini juga yang menyangkal dakwaan mereka yang menolak keharusan seseorang yang berjuang seorang diri menentang lawan meskipun menjangkakan kebinasaan tetapi menimbulkan rasa gerun di kalangan musuh (terutama kaum Yahudi di Palestin dan memberi kekuatan moral dan mental serta fizikal golongan terutamanya rakyat Islam Palestin).

17 Abū Abdullāh bin Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, al-Qurtūbī, *al-Jāmi' al-Āḥkām Al-Qur'ān*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1-2, h. 241.

18 *Ibid.*, h. 241.

19 *Ibid.*, h. 241.

20 *Ibid.*, h. 241.

Justeru itu, ayat yang dijadikan hujah oleh mereka yang menolak OSPBM oleh rakyat Palestin adalah tidak tepat bahkan ia adalah relevan untuk menyokong amalan tersebut.

2. Hujah yang menyatakan tidak boleh membunuh golongan yang lemah apatah lagi orang awam perlu dikaji secara mendalam situasi dan fenomena yang menyelubungi bumi Palestin adalah berbeza, Ini adalah disebabkan sejarah asal kedatangan mereka golongan Yahudi itu sendiri telah bersifat pencabulan dan pencerobohan ke atas tanah-tanah rakyat Palestin yang Islam.

Keduanya golongan ini, dalam situasi di bumi Palestin agak sukar untuk memisahkan antara mereka dengan yang lain memandangkan zaman teknologi persenjataan yang canggih semua persenjataan dilancarkan dari jarak yang jauh. Manakala mangsanya sudah tentu akan melibatkan golongan yang lemah. Namun, mereka bukanlah sasaran utama bahkan majoriti awam adalah terlibat. Bahkan buktinya dapat dilihat melalui pemerintahan dan pentadbiran Likud dan yang lainnya masih mendapat sokongan dalam pilihanraya umum. Ini bermakna mereka mempunyai hasrat dan matlamat yang sama.

Mereka tetap memusuhi golongan rakyat Palestin dan tunjuk perasaan yang dilakukan hanyalah gimik politik untuk mengaburi mata masyarakat dunia Islam dan antarbangsa bahawa mereka golongan Yahudi mahukan kedamaian dan keselamatan bahkan sebaliknya. Keadaan semakin getir pada masa kini di bawah presiden Israel, Aerial Sharon. Beliau merupakan bekas Menteri Pertahanan Israel suatu masa lalu, sangat berdendam dan mempunyai pengalaman luas serta bercita untuk menghalau

Firman Allah:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ
إِنَّ هُدَىٰ اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ
مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِن لَيْسٍ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

Surah al-Baqarah (120) : 1

Bermaksud :

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepadamu sehingga kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah: Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang benar). Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu”.

Terjemahan surah al-Baqarah (120) : 1

Justeru itu, apa yang mengharuskan bahawa golongan ini turut memainkan peranan sama ada secara langsung atau sebaliknya dan dalam masa yang sama segala usaha, idea dan bantuan atau sokongan dari segi pilihanraya dengan mengekal kerajaan mereka tersebut. Maka ia dilihat sebagai pendorong utama kepada keharusan pelaksanaan OSPBM.

Sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Sa^ub bin Jathāmah r.a :

وعن الصعب بن جثامة رضي الله عنه قال: سئل رسول الله (ص) عن (اهل
الدار) من المشركين يبيتون فيصيون من نسانهم وذرارهم فقال: ((هم
منهم))

Bermaksud:

“ Bahawa Rasulullah telah ditanya bagaimana hal keadaan penghuni

*sesebuah rumah di mana terdapat golongan musyrikin sedang bermalam tetapi serangan telah menimpa golongan wanita dan kanak-kanak? Maka nabi menjawab mereka adalah daripada mereka (kumpulan musyrikin tersebut).*²¹

Mengulas hadith ini, Imām Syāfi‘ī, Abū Ḥanīfah dan Jumhur mengharuskan membunuh golongan perempuan dan kanak-kanak sebagai tanda bersetuju dengan riwayat hadith yang sahih tersebut. Mereka menegaskan ini berlaku bukan suatu perkara yang dimaksudkan bahkan mereka sebagai pengikut dan sukar dipisahkan.²²

3. Hadith yang melarang membakar tanam-tanaman, membunuh haiwan, meruntuhkan bangunan dan kemudahan awam adalah bersifat memelihara masalah dan kepentingan jangka panjang bagi kaum muslimin. Sebuah hadith yang diriwayatkan dari Ibn ‘Umar r. anhumā telah berkata:

وعن ابن عمر رضي الله عنهما قال: " حرق رسول الله صلى الله عليه وسلم نخل بني النضير وقطع: متفق عليه.

“Bahawa Rasulullah telah membakar pohon-pohon tamar kaum bani Nadīr dan menebangnya”.²³

Mengulas lanjut hadith ini, jumhur fukaha mengharuskan pemusnahan tanam-tanaman, membunuh binatang tunggangan seperti kuda dan seumpamanya. Namun begitu, khalifah Abū Bakr telah mewasiatkan agar menjauhi perkara yang dilarang itu. Mengulas pengertian di atas al-Ṣa‘āni menyatakan itu sebagai tindakan masalah

21 Lihat hadith diriwayatkan oleh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣoḥīḥ al-Bukhārī*, kitāb al-Jihād di dalam bab membunuh kanak-kanak dalam pertempuran, hadis bernombor 3015.

22 Muḥammad bin Ismā‘īl al-Ṣan‘āni, *Ṣuḥul al-Ṣalām Syarḥ Bulūḡ al-Marām*, Beyrūt: Dār al-Ma‘rifah, j. 3-4, h. 77.

23 Al-Bukhārī, *op.cit.*, hadis bernombor 3021.

jangka panjang bolehjadi kaum muslimin memerlukanya pada suatu masa nanti.²⁴

4. Mutakhir ini, Israel jelas mendapat sokongan moral dari kuasa besar seperti Amerika dan Britain dan melabelkan pejuang Palestin dan pengebom berani mati syahid sebagai pengganas. Manakala pencerobohan pihak tentera Tel Aviv serta kependudukan masyarakat awamnya ke atas tanah-tanah rakyat Islam Palestin dibiarkan dan mendakwa pihak Israel berhak mempertahankan diri dengan melakukan serangan sesuka hati. Ini menunjukkan dasar polisi luar negara mereka “*double-standard*” atau pun hipokrit.

5. Masyarakat Palestin pada dasarnya berjuang bersendirian dengan segala bentuk kekurangan dan kelemahan tanpa apa-apa bantuan persenjataan yang lengkap dan canggih dari negara-negara Islam seperti anggota OIC bahkan mereka tidak pula mengambil inisiatif yang boleh mengimbangi antara kezaliman Israel dan penderitaan rakyat Palestin dan kita melihat bagaimana pencabulan Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya ke atas Iraq tanpa ada tindakan yang sewajarnya diambil bagi menghalang perkara tersebut dari berlarutan.

Justeru, penulis menegaskan tindakan OBM atau OSPBM merupakan suatu keharusan yang khusus kepada hak-hak mereka rakyat Islam Palestin dalam mengambil apa jua bentuk tindakan bagi mempertahankan jiwa, bangsa dan agama mutakhir ini. Mufti Mesir juga telah pun mengeluarkan pandangan berdasarkan perkembangan terkini dengan mengharuskan pelaksanaan tersebut dan mereka adalah

²⁴ Muhammad bin Ismā'īl al-Sa'ānī, *Subul al-Salām Syarh Bulāgh al-Marām*, Beyrūt: Dār al-Ma'rifah, j 3-4, h. 80.

golongan yang mati syahid dan ini bersalahan dengan pandangannya sebelum ini, yang menyatakan bahawa tindakan tersebut adalah perbuatan bunuh diri.

Oleh kerana tidak ada negara atau sistem khalifah Islam yang menerajui dunia Islam pada hari ini untuk menyelamatkan dan mengeluarkan Palestin dari kancah kesengsaraan, maka siasah syar'iyah melihat bahawa OBM merupakan suatu tindakan yang selaras dengan ketentuan syarak, lebih lagi tiada negara Islam pada masa kini yang sanggup mempertahankan negara Palestin dari sudut ketenteraan. Bahkan ia adalah tuntutan dan menjadi fardu kifayah dalam bentuk jihad umum kepada seluruh negara Islam yang lain. Manakala rakyat Islam Palestin mempertahankan hak masing-masing dan melakukan tindakan dalam bentuk jihad *khuṣūṣ li' al-khuṣūṣ* merupakan tuntutan fardu ain kerana mereka berdepan secara langsung dan tidak dapat mengelakkannya lagi.

Ditegaskan sekali lagi, bahawa OBM atau OSPBM adalah keharusan yang khusus kepada rakyat di negara Palestin²⁵ dalam usaha mempertahankan diri, keluarga, bangsa, negara dan agama dan tidak kepada negara Islam yang lain kecuali ada persamaan dengan keadaan di bumi Palestin dalam usaha menentang golongan Yahudi yang menceroboh dan pengaruh Zionis.

Bahkan juga, pembubaran misi Pasukan Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau United Nations (UN) oleh Khofi Annan iaitu Setiausaha Agungnya jelas berpihak dan tunduk kepada kuasa Majlis Tetap PBB dan tekanan Yahudi Israel.

²⁵ Lihat akhbar Utusan Malaysia bertarikh 6 Mei 2002.

Perdana Menteri Malaysia YAB Dr. Mahathir Mohamad pernah menyuarakan dengan berkata:

“Bahawa PBB tidak berguna kerana tunduk kepada Ariel Sharon iaitu Perdana Menteri Israel yang disifatkan olehnya sebagai binatang dan bukan manusia”²⁶

Semasa menyampaikan Syarahan Perdana di Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur pada 8hb. Mei 2002 lalu di bawah tajuk *Palestin & Kemanusiaan (Palestine & Humanity)*.

4.5 Pentarjihan

Merujuk kepada perbincangan dan perbahasan dalil-dalil dan hujah-hujah yang dikemukakan dengan beberapa justifikasi yang padat serta perbincangan terperinci terhadap pembentangan pandangan dan penolakan hujah dengan panjang lebar, maka penulis mendapati bahawa golongan yang mengharus dan mengesahkan OBM atau OSPBM yang tinggi martabatnya di sisi Allah amnya dan mereka yang terdiri di kalangan rakyat Islam Palestin secara khususnya merupakan pendapat yang paling rajih dan terpilih bersandarkan teori dan prinsip *Siasah Syar'iyah*.

Ini adalah berdasarkan kekuatan dalil-dalil dan hujah-hujah mereka dalam menangkis kekuatan hujah yang menolak amalan tersebut daripada dilaksanakan.

²⁶ Syarahan Perdana di Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur bertarikh 8hb. Mei 2002 yang bertajuk *Palestin & Kemanusiaan (Palestine & Humanity)*.

Justeru kelemahan dalil dan hujah mereka tidak mencapai maksud dan tujuan ruhsiasah syar'iyah di mana kredibiliti dan integrasi siasah syar'iyah itu sendiri dengan sandaran-sandaran asas yang lain jelas mempertahankan keadilan dan membawa kerahmatan. Jauh sekali membawa kezaliman dan kesesatan. Maka dengan itu, pentarjihan ini dilakukan oleh penulis selepas mengambil kira merit ketentuan dan syarat-syarat, maqasid dan perinsip siasah syar'iyah islamiyyah yang mengharuskan pelaksanaan dan pemakaian amalan OBM atau OSPBM sebagai usaha kontemporari (tuntutan fardu ain bagi rakyat Islam di bumi Palestin khususnya dan tuntutan fardu kifayah kepada umat dunia Islam yang lain amnya). Shinggalah wujud *Khalifah Islamiyyah* untuk mengambil alih bagi tujuan menjaga keselamatan dan keamanan wilayah Islam seluruhnya.

Pentarjihan ini juga, memperlihatkan bahawa penjelasan terhadap OBM tidak lagi diragui kesyahidannya dengan mengambil kira kekuatan hujah dan dalil syarak, sekaligus kekuatan status dan hubungan dengan jihad *fi sabillillah*. Bahkan senario pertembungan di antara kezaliman dan kerakusan golongan tentera dan awam Israel dengan kegetiran dan penderitaan serta kepayahan rakyat Islam Palestin yang berjuang di tanahair sendiri mengkonkritkan lagi kerelevanan jihad dalam bentuk OBM dalam usaha mempertahankan digniti hak-hak mereka.

Siasah syar'iyah secara langsung memainkan peranannya dalam mendominasi pemakaian dan pelaksanaan OBM sebagai satu wadah perjuangan dalam situasi seumpama ini.

Ditegaskan di sini, bahawa pembentangan bab keempat berhubung dengan pelaksanaan amalan OBM atau OSPBM sama ada di kalangan tentera umumnya yang melibatkan semua tentera Islam di medan peperangan dan di Palestin secara khusus (sekalipun melibatkan golongan awam) maka ia adalah suatu yang diharuskan menurut pendapat mereka yang mengharuskan pelaksanaan tersebut.

Justeru itu, dengan keadaan yang wujud dan senario pada mutakhir ini, menguatkan lagi keharusan pelaksanaan OBM atau OSPBM sebagai satu wasilah dalam mempertahankan diri bagi rakyat Islam di Palestin. Sekalipun mereka tidak mempunyai kekuatan (القوة) kerana tidak ada kekuatan fizikal dari sudut pemerintahan dan persenjataan yang memungkinkan mereka melakukan pertahanan dan serangan semaksima yang mungkin tanpa melibatkan pelaksanaan seumpama ini. Namun kelemahan-kelemahan ini, tidak boleh dibiarkan begitu sahaja di mana pencabulan dan pembunuhan semakin berleluasa menghantui rakyat Islam Palestin. Ini merupakan pilihan mereka yang terakhir sekalipun terpaksa mengorbankan sejumlah remaja dan belia belasan tahun di kalangan lelaki dan wanita tetapi natijahnya telah menyebabkan beribu kaum Yahudi meninggalkan bumi Palestin ke Eropah.

Sehubungan dengan penilaian yang cukup ilmiah dan akademik di antara kedua pihak yang berselisish pendapat ini, penulis merasakan ia merupakan suatu analisis atau kajian yang telus (*transparent*) di kalangan mereka. Justeru, penulis tanpa ada perasaan “*bias*” atas dasar agama atau diskriminasi bangsa akan menganalisa dari sudut siasah syar’iyyah terhadap pelaksanaan OBM atau OSPBM sejauh manakah keharusan dan autoriti yang dibenarkan oleh syarak.

Justeru itu, tidak timbul sebarang intepretasi negatif dan salah faham bahawa ia dilakukan atas dasar keganasan atau kezaliman bahkan ia merupakan suatu pengorbanan yang cukup mulia di sisi Allah dan memartabatkan jati diri mereka sebagai pejuang yang mempunyai keimanan dan ketaqwaan yang tinggi.

Sebarang propaganda dan provokasi Barat dalam melabelkan mereka yang berjuang mempertahankan jiwa, keluarga, harta, akhlak, maruah, bangsa, negara dan agama sebagai pengganas, militan, teritoris, ekstremis dan lain-lain adalah suatu pembohongan dan sandiwara jahat serta jijik yang nyata sekali. Bahkan kuasa dan negara besar inilah yang menaja keganasan serta secara terang-terangan dipersetujui oleh sesetengah negara Islam yang lain atas dasar kepentingan hubungan diplomasi dan sebagainya.

Malah sesetengah resolusi yang diambil dalam persidangan PBB lebih berat sebelah untuk menangani masalah dan konflik di Asia Barat terutama isu berhubung pencerobohan ke atas Palestin oleh Israel. Di mana Setiausaha Agung PBB Khofi Annan dan Majlis Keselamatan PBB secara terang-terangan diperkudakan untuk tidak menghantar pasukan keselamatan dan misi pengaman PBB ke Palestin. Ini amat ketara perbezaan apabila sesebuah negara Islam yang lain di mana Amerika mempunyai kepentingan tertentu seperti di Iraq, Afnganistan, Bosnia Hazergovina dan lain-lain mereka tanpa ditawarkan dan diundang telahpun mempersiapkan diri dengan kekuatan bala tentera untuk campur tangan atas nama misi pengaman PBB.